LAPURAN **TAHUNAN** DAN **AKAUN**

YANG **TELAH DIODITKAN**

**bagi**

# LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

# 1968

ANNUAL REPORT AND STATEMENT OF ACCOUNTS

of the

# FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY MALAYSIA

# 1968

*Harga:* $1

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN**
**YANG TELAH DIODITKAN**

**bagi**

# LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

**1968**

***ANNUAL REPORT AND STATEMENT OF ACCOUNTS***

*of the*

# *FEDERAL AGRICULTURE MARKETING AUTHORITY MALAYSIA*

*1968*


[illegible]
UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD
[illegible]

# LAPURAN TAHUNAN 1968

**Pendahuluan**

Lapuran ini ialah Lapuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang meliputi tahun yang berakhir pada 31hb. Disember, 1968.

2. Lembaga ini telah ditubuhkan pada 30hb. September, 1965 di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, yang menyatakan bahawa tugas-tugas Lembaga adalah seperti berikut :

(a) untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti pemasaran hasil pertanian oleh orang-orang persendirian atau badan-badan pertubuhan (samada bergabung atau tidak dan samada di dalam perkhidmatan awam atau tidak) yang terlibat atau mungkin terlibat dengan sebarang bidang pemasaran hasil pertanian;

(b) untuk menimbang, dan memajukan jika mustahak dan perlu, cara-cara dan jalan-jalan di mana pasaran-pasaran dan kaedah-kaedah pemasaran hasil pertanian yang sedia ada dapat diperbaiki, dan mencari serta memajukan pasaran-pasaran dan saluran-saluran baru bagi hasil-hasil pertanian, dan

(c) untuk bekerjasama dengan orang-orang atau badan-badan pertubuhan (samada bergabung atau tidak dan samada di dalam perkhidmatan awam atau tidak) bagi menimbulkan pemasaran hasil pertanian yang licin dan berkesan.

3. Untuk menjalankan tugas-tugas yang tersebut di atas Lembaga telah diberi kuasa-kuasa yang berikut :—

(a) untuk menimbang sebarang rancangan pemasaran yang dikemukakan oleh sesiapa sahaja, atau pun dengan usaha Lembaga sendiri untuk mencadang sesuatu rancangan pemasaran;

(b) untuk menjalankan penyelidikan dan penyiasatan-penyiasatan pemasaran dan khususnya mengadakan penyiasatan-penyiasatan yang berkaitan dengan : -

  (i) Kos pengeluaran memproses, pengangkutan, dan pemasaran sesuatu hasil pertanian;

  (ii) peringkat-peringkat harga, pasaran-pasaran dan kaedah-kaedah pemasaran. dan sistem peringkat [illegible] utu;

  (iii) lain-lain perkara yan ada kaitan dengan pemasaran hasil pertanian.

(c) untuk mengenakan syarat supaya orang-orang yang menjalankan pengeluaran atau pemasaran hasil pertanian yang tertakluk kepada mana-mana rancangan pemasaran, supaya mendaftar dan memberi maklumat-maklumat berkaitan dengan hasil pertanian yang berkenaan, mengenai apa yang difikirkan perlu oleh Lembaga; dan

(d) untuk menjalankan apa juga yang dianggap patut oleh Lembaga supaya tugas-tugas yang terkandung di dalam Aktanya dapat dijalankan dengan berkesan.

4. Lembaga adalah bcrtanggungjawab kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya. Ianya dibiayai oleh Kerajaan melalui wang pemberian secara langsung untuk perbelanjaan pentadbiran dan pembangunan dan melalui wang pinjaman untuk perbelanjaan rancangan-rancangan perniaga-annya.

**Ahli Lembaga**

5. Lembaga, seperti yang tercatit di bawah Seksyen 2 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekuluan 1965, mempunyai 12 orang ahli. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi adalah dilantik oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung. Sepuluh orang ahli yang lain terdiri dari 5 ahli rasmi dan 5 ahli tidak rasmi adalah dilantik oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama. Y.B. Senator Encik Abdul Ghafar bin Baba telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga selama satu tahun empat bulan, bermula pada 21hb. Mach, 1968. Timbalan Pengerusi Lembaga ialah Encik Abdul Aziz bin Mohd. Yassin, K.M.N. P.J.K. Ahli-ahli yang berikut telah dilantik untuk tempoh selama dua tahun mulai dari 1hb. Oktober, 1967 :—

**Ahli-ahli Rasmi :**

| | | |
|---|---|---|
| *Wakil Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama* | — | Encik Abu Hassan Abdullah, J.M.N., P.K.T. |
| *Wakil Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri* | — | Encik Thong Yaw Hong, J.M.N. |
| *Wakil Perbendaharaan* | — | Encik P. S. Sundram. |
| *Wakil Kementerian Perdagangan dan Perusahaan* | — | Encik Nik Mohd. Salleh Haji Nik Mat. |
| *Wakil Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar* | — | Dr. Agos Salim. |

**Ahli-ahli Tidak Rasmi :**

Y.M. Professor Ungku Aziz
Y.M. Encik Kam Woon Wah, J.P., M.P.
Encik Mansor Othman, K.M.N., P.J.K.
Y.B. Encik Thomas Kana, K.M.N., M.P.
Y.B. Encik Lat bin Kassim, M.P.

**Mesyuarat-Mesyuarat Lembaga**

6. Dalam tahun yang dilapurkan ini mesyuarat Lembaga telah bersidang sebanyak 6 kali.

**Kakitangan**

7. Pada akhir tahun 1968 Lembaga mempunyai seramai 87 orang kakitangan.

8. Pada 10hb. Jun, 1968. Encik Tang Loon Boon berlepas ke Universiti Cornell, Amerika Syarikat untuk pengajian Sarjana Sains, Sains Pertanian, di bawah Biasiswa ADC. Jurutera Awam Lembaga, Encik Leong Saik Onn, menyertai satu Kursus Jagaan dan Simpanan Biji-bijian di bawah

Rancangan Colombo di Brisbane, Queensland dan Perth, Australia Barat dan New South Wales selama 3 bulan mulai daripada 9hb. Februari, 1968. Seorang kerani tingkatan khas dan dua orang kerani tingkatan biasa telah menghadiri satu kursus di Dewan Latihan Pegawai-pegawai Kerajaan, Petaling Jaya.

**Bengkel**

9. Pada tahun yang dilapurkan ini dua bengkel telah diadakan.

(a) **Perusahaan Ternakan Ayam Itik dan Telur**

Lembaga telah mengadakan satu bengkel sehari mengenai ternakan ayam itik dan telur pada 14hb. Mei, 1968, untuk membincangkan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh perusahaan ini serta mencari jalan dan cara bagi mengatasinya. 30 orang wakil jabatan-jabatan Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan swasta telah menyertai bengkel tersebut.

(b) **Perusahaan Kelapa**

Lembaga ini juga telah mengadakan bengkel sehari mengenai perusahaan kelapa di Malaysia Barat pada 15hb. Ogos, 1968, dengan tujuan untuk membolehkan peserta-peserta membincang masaalah-masaalah yang dihadapi oleh perusahaan tersebut serta mendapatkan cadangan-cadangan bagi mengatasinya. Bengkel ini telah dihadiri oleh 21 orang peserta yang mewakili kedua-dua sektor awam dan swasta.

**ancangan Memperbaiki Pemasaran**

**Padi**

10. Sejak penubuhannya dalam bulan Oktober 1965, Lembaga telah menyalurkan sebahagian besar daripada sumber kewangan dan kakitangannya kepada pembentukan dan perlaksanaan rancangan-rancangan untuk memperbaiki sistem pemasaran padi dan beras.

11. Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras telah ditubuhkan di bawah Seksyen 6 Akta Lembaga untuk mengurus dan mengawal perusahaan padi dan beras di kawasan-kawasan Rancangan. Pada amnya rancangan-rancangan yang dibentuk oleh Lembaga ini termasuk kedua-dua kegiatan pengawalan dan perniagaan.

12. Tujuan-tujuan utama Rancangan Pemasaran Padi ialah :—

(a) untuk mempastikan kecekapan sistem pemasaran padi dan beras keseluruhannya;

(b) untuk mempastikan supaya amalan-amalan pemasaran seperti menimbang, memilih, membersih dan memperingkat mutu, dilaksanakan dengan sepatutnya;

(c) untuk mempastikan supaya kemudahan kemudahan mengering, menyimpan dan mengangkut padi dan beras disediakan dengan secukupnya; dan

(d) untuk mempastikan penanam-penanam padi mendapat bayaran tunai bagi jualan padinya.

13. Hingga penghujung tahun 1968, Perbadanan telah melaksanakan 4 rancangan pemasaran padi, iaitu di Tanjong Karang dan Sabak Bernam, Perlis, Pulau Pinang dan Seberang Prai (tidak termasuk mukim 9 dan 10 di Selatan Seberang Prai) dan Krian.

14. Luas kawasan padi di bawah keempat-empat rancangan yang diuruskan oleh Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras adalah kira-kira 198,629 ekar, dan ini merupakan 25% daripada jumlah keluasan sawah padi di Malaysia Barat. Jumlah pengeluaran padi dari keempat-empat kawasan rancangan ini adalah kira-kira 5 juta pikul atau 35% daripada jumlah pengeluaran padi Malaysia Barat dalam tahun 1968.

15. Rancangan Pemasaran Padi Tanjong Karang/Sabak Bernam ialah satu rancangan kawalan dan perniagaan, sementara Rancangan Pemasaran Padi di Perlis, Pulau Pinang/Seberang Prai, dan Krian merupakan rancangan kawalan sahaja.

16. Keempat-empat rancangan telah dilaksanakan dengan memuaskan. Di kawasan Tanjong Karang/Sabak Bernam di mana kedua-dua rancangan perniagaan dan kawalan dilaksanakan, penanam-penanam padi tidak sahaja dapat menikmati pulangan yang lebih tinggi daripada hasil jualan padi mereka, tetapi juga dapat menikmati kemudahan-kemudahan pemasaran yang disediakan.

17. Di kawasan-kawasan di mana hanya rancangan kawalan sahaja dilaksanakan, kawalan pembeli-pembeli padi melalui perlesenan telah terbukti menjadi satu alat yang berkesan dalam mempastikan bahawa harga yang baik dibayarkan kepada petani-petani dan dalam memperbaiki pemasaran yang terdapat di kawasan tersebut.

**Ikan**

18. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Lembaga, terdapat beberapa masaalah besar dalam sistem pemasaran ikan. Untuk mengatasi masaalah ini, Lembaga telah membentuk satu Rancangan Pemasaran Ikan yang telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan pada 3hb. Oktober, 1968 untuk memberi peluang kepada orang perseorangan atau pertubuhan yang mungkin terlibat dalam rancangan ini mengemukakan pandangan-pandangan mereka.

19. Pada tahun yang dilapurkan ini beberapa kajian ekonomi telah juga dijalankan oleh Lembaga mengenai bilik-bilik sejuk di Pantai Timur dan Komplek Perikanan Kuala Kedah.

**Lada Hitam**

20. Hasil daripada kajian dan penyiasatan yang luas mengenai masaalah-masaalah dalam pemasaran lada hitam Sarawak, baik di dalam negeri mahu pun di seberang laut, Lembaga telah mengemukakan beberapa cadangan bagi mengadakan satu rancangan pemasaran bagi hasil tersebut dengan tujuan yang berikut :—

1) untuk mempastikan pulangan yang adil dan berpatutan kepada pengeluar-pengeluar;

(2) untuk menyediakan pertolongan dan kemudahan-kemudahan bagi memajukan ekspot terus lada hitam ke pasaran-pasaran terakhir;

(3) untuk menyediakan kemudahan-kemudahan memperingkat mutu lada hitam mengikut penentuan yang ditetapkan;

(4) untuk menjalankan penyelidikan pemasaran dan aktiviti-aktiviti galakan pasaran.

21. Satu Jawatankuasa Kerja telah dibentuk untuk merangka undang-undang bagi menubuhkan satu badan yang sesuai untuk mengurus dan mengawal rancangan pemasaran lada hitam yang dicadangkan.

22. Jawatankuasa Kerja tersebut mengandungi :—

(1) Timbalan Pengerusi FAMA — *Pengerusi;*

(2) seorang wakil Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;

(3) dua orang wakil Kerajaan Negeri Sarawak;

(4) seorang wakil Kerajaan Negeri Johor.

23. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja yang pertama telah diadakan di Kuching pada 13hb. November, 1968 dan beberapa cadangan bersabit dengan pendaftaran petani, perlesenan pembeli-pembeli, pengeluaran lesen dan ekspot, telah dipertimbangkan.

**Penyiasatan dan Penyelidikan**

24. Satu daripada fungsi Lembaga yang diberi keutamaan ialah untuk menjalankan penyiasatan dan penyelidikan ke atas segala aspek pertanian dengan tujuan mengadakan satu asas saintifik bagi kemajuan pemasaran pertanian di Malaysia. Untuk tujuan ini, Lembaga telah menjalankan penyiasatan-penyiasatan dan penyelidikan-penyelidikan yang berikut dalam tahun 1968 :—

(a) **Penyiasatan Pemasaran Padi dan Beras Kebangsaan**

**Peringkat I dan II**

Peringkat Pertama Penyiasatan Pemasaran Padi dan Beras Kebangsaan telah dilancarkan oleh Lembaga pada 2hb. November, 1967 dengan tujuan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat yang tepat dan boleh dipertanggungjawabkan mengenai pemasaran padi dan beras daripada peringkat pengeluar hingga ke peringkat pengguna beras yang terakhir dan mengenai aspek-aspek pengeluaran padi yang bersabit dengan pemasaran telah diteruskan dalam tahun 1968.

Lembaga ini telah melancarkan Penyiasatan Pemasaran Padi dan Beras Kebangsaan peringkat keduanya pada bulan Ogos, 1968 yang meliputi ketiga-tiga peringkat pemasaran padi di kawasan penanaman padi di Pantai Barat Malaysia Barat, termasuk Negeri-negeri Pulau Pinang Perak, Selangor Negeri Sembilan dan Melaka.

(b) **Penyiasatan Kredit Pertanian**

Satu penyiasatan kredit pertanian penasam-penanam padi di Kawasan Projek Pengairan Sungai Muda telah dijalankan oleh

Lembaga pada awal bulan Ogos hingga pertengahan bulan Oktober, 1968 dengan bantuan dan kerjasama Bank Negara Malaysia. Penyiasatan ini telah mengkaji kedua-dua aspek permintaan kredit yang meliputi hutang-hutang dan keperluan-keperluan kredit penanam-penanam padi dan aspek penawaran kredit yang meliputi pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang perseorangan yang membekalkan kredit.

(c) **Penyiasatan Pemasaran Kopi, Selangor**

Penyiasatan yang tersebut di atas yang dijalankan secara usaha bersama dengan Fakulti Pertanian Universiti Malaya, telah dimulakan pada bulan April, 1968. Tujuan utama penyiasatan tersebut ialah untuk mengumpulkan maklumat-maklumat yang betul berhubung dengan amalan-amalan pemasaran kopi dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di peringkat-peringkat pengeluaran, perniagaan dan memproses kopi.

(d) **Penyiasatan Ekonomi/Mengenai Perusahaan Ubi Kayu di Perak**

Satu penyiasatan ekonomi perusahaan ubi kayu di Negeri Perak telah dijalankan oleh Lembaga pada setengah tahun yang kedua tahun 1968. Tujuan penyiasatan ini ialah untuk mengenal dan mempastikan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh perusahaan memproses ubi kayu di Negeri Perak dan untuk mengumpul data bersabit dengan pengeluaran, memproses dan pemasaran. keutamaan juga diberi untuk mendapatkan maklumat mengenai jumlah pelaburan modal dalam perusahaan penanaman dan memproses ubi kayu serta saluran-saluran pasarannya di dalam dan di luar negeri.

(e) **Kajian Penyelidikan Pemasaran**

Kajian-kajian terhadap perusahaan teh, pemasaran kubis di Cameron Highland, jagung, dan sekoi telah dijalankan dalam tahun yang dilapurkan ini.

(f) **Kajian Kemungkinan**

Satu kajian kemungkinan mendirikan sebuah kilang mengetin nenas di Selangor untuk Kerajaan Negeri Selangor dan MARA telah dijalankan.

(g) **Kajian Kemajuan Pasaran**

Kajian harapan ekspot hasil-hasil pertanian seperti ubi kayu dan jagung telah selesai dijalankan dalam tahun yang dilapurkan. Dalam hubungan ini, penyiasatan masaalah pesgangkutan juga telah dijalankan.

**Perisik dan Kemajuan Pasaran**

25. Penubuhan Yunit Kemajuan Pasaran adalah bertujuan untuk menambahkan permintaan serta untuk mendapat dan memajukan pasaran dan saluran baru bagi hasil-hasil pertanian.

26. Berikut adalah sebahagian daripada rancangan yang telah dijalankan sejak penubuhan yunit ini :—

(a) **Kempen 'Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan'**

Yunit ini telah memulakan Kempen "Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan" yang ditujukan untuk menambah kesedaran di kalangan orangramai mengenai adanya buah-buahan tempatan, nilai zat makanan yang terkandung di dalam buah-buahan tersebut dan juga mengenai kegunaan-kegunaannya.

(b) **Kemajuan Kemudahan Pemasaran**

Peruntukan sebanyak $250,000 telah diuntukkan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan pemasaran padi seperti setor simpan padi dan padang jemur padi di peringkat pengeluar. Tindakan telah diambil bagi menentukan bilangan dan tempat-tempat kemudahan-kemudahan tersebut diperlukan.

(c) **Perisik Pasaran**

Lembaga telah terus mengumpul dan menyibarkan maklumat-maklumat pemasaran di peringkat pengeluar, peruncit dan pemborong hasil-hasil pertanian. Harga-harga ini, serta dengan lain-lain maklumat pemasaran kini disibarkan melalui radio, surat-khabar dan risalah-risalah.

**Penerbitan**

27. Journal Lembaga, "Review of Agricultural Economics of Malaysia, Vol. 2" telah dicetak pada akhir tahun dan mengandungi makalah-makalah berhubung dengan pemasaran padi, ikan, lada hitam dan ternakan di Malaysia. Lain-lain penerbitan yang dicetak oleh Lembaga termasuklah persidangan terakhir Seminar Pemasaran Pertanian Kebangsaan (yang di-adakan pada 13hb. hingga 18hb. November, 1967) dan satu risalah bertajuk "FAMA dan Peranannya Dalam Kemajuan Pertanian".

**Penyata Kira Kira**

28. Akaun Lembaga yang telah diodit dilampirkan bersama-sama ini.

*(T/t)*

Y.B. SENATOR ABDUL GHAFAR BABA

*Pengerusi*
*Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan,*
*MALAYSIA.*

*(T/t)*

ABDUL AZIZ MOHD. YASSIN

*Timbalan Pengerusi*
*Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan,*
*MALAYSIA.*

# ANNUAL REPORT 1968

## Introduction

1. This is a report of the Federal Agricultural Marketing Authority **(FAMA),** covering the year ending 31st December 1968.

2. The Authority was established on the 30th September, 1965, under the Federal Agricultural Marketing Authority Act, 1965 which provides that the functions of the establishment shall be as follows :—

(a) to co-ordinate the activities in respect of the marketing of agricultural produce, of the various persons or bodies of persons (whether incorporate or unincorporate, and whether in the public services or otherwise) which are or might be concerned with any aspect of the marketing of agricultural produce;

(b) to consider, and to promote where necessary and desirable, ways and means by which existing markets and methods of marketing of agricultural produce might be improved, and to seek and promote new markets and outlets for agricultural produce;

(c) to collaborate with persons or bodies or persons (whether incorporate or unincorporate, and whether in the public services or otherwise) to promote efficient and effective marketing of agricultural produce.

3. To carry out the above functions the Authority is vested with the following powers :

(a) to consider any marketing scheme by whomsoever submitted, or on its own motion to propose any marketing scheme;

(b) to cause to be carried out marketing research and investigations and in particular to cause to be conducted enquiries relating to —

(i) costs of production, processing, transportation and marketing of agricultural produce;

(ii) price levels, markets and marketing methods, and system of grading;

(iii) any other matters relating to the marketing of agricultural produce.

(c) to require persons engaged in the production or marketing of any agricultural produce, in respect of which a marketing scheme has been prescribed to register and to give in such manner as the Authority may specify such information with respect to such produce as the Authority may deem necessary, and

(d) to do such other things as the Authority deems fit for the effective carrying out of the functions under this Act.

4. The Authority is responsible to the Hon'ble Minister of the Ministry of Agriculture and Co-operatives for the conduct of its functions and res-

ponsibilities. It is financed by the government through direct grants in respect of administrative and development expenditures and loans in respect of its trading schemes.

**Constitution of the Authority**

5. The Authority as constituted under Section 2 of the Federal Agricultural Marketing Authority Act 1965, comprised 12 members. The Chairman and Deputy Chairman are appointed by the DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung. The other 10 members consisting of 5 Official Members and 5 Unofficial Members are appointed by the Hon'ble Minister of Agriculture and Co-operatives. Y.B. Senator Abdul Ghafar bin Baba was appointed as Chairman of the Authority for a period of one year and four months with effect from 21st March, 1968. The Deputy Chairman was Encik Abdul Aziz bin Mohd. Yassin, KMN., PJK. The following members were appointed in 1967 for a two-year term :—

**Official Members**

1. *Representative of the Ministry of Agriculture and Co-operatives* — Encik Abu Hassan Abdullah, J.M.N., P.K.T.
2. *Representative of Economic Planning Unit, Prime Minister's Department* — Encik Thong Yaw Hong, J.M.N.
3. *Representative of the Treasury* — Encik P. S. Sundram.
4. *Representative of the Ministry of Commerce and Industry* — Encik Nik Mohd. Salleh bin Haji Nik Mat.
5. *Representative of the Ministry of National and Rural Development* — Dr. Agoes Salim.

**Unofficial Members**

1. Y.M. Professor Ungku Aziz.
2. Y.B. Encik Kam Woon Wah, J.P., M.P.
3. Encik Mansor Othman, K.M.N., P.J.K.
4. Encik Thomas Kana, K.M.T., M.P.
5. Y.B. Encik Lat bin Kassim.

**Meeting of the Authority**

6. During the year under review, the Authority met six times.

**Staff**

7. At the end of 1968 the Authority had a total establishment of 87 staff.

8. On the 10th June, 1968, Encik Tang Loon Boon left for Cornell University, United States, for his Master of Science, Agricultural Science, under the ADC Fellowship. The Authority's Civil Engineer, Encik Leong Saik Onn, went for a Colombo Plan Course on the Preservation and Storage of Cereals in Brisbane. Queensland and Perth, West Australia and New South Wales for 3 months from the 9th February, 1968. A Special Grade

Clerk and 2 Time-scale Clerks went for a course at Dewan Latihan Pegawai-Pegawai, Petaling Jaya.

**Workshop**

9. For the year under review, two workshop proceedings were held.

(a) **Poultry and Egg Industry**

A one-day workshop on the Poultry and Egg Industry in West Malaysia was organised by the Authority on the 14th May, 1968 to discuss the difficulties facing the industry and the ways and means of overcoming the difficulties. 30 representatives of government departments and private organisations participated in the Workshop.

(b) **Coconut Industry**

The Authority also organised a one-day Workshop on the Coconut Industry in West Malaysia on 15th August, 1968 with the objective of enabling the participants to discuss the difficulties facing the coconut industry and to obtain suggestions for its improvements. The Workshop was attended by 21 participants representing both the public and private sectors.

**Marketing Improvement Schemes**

**Padi**

10. Since its establishment in October, 1965, the Authority had been channelling the major portion of its resources on the formation and implementation of schemes to improve the marketing system for padi and rice.

11. The Padi and Rice Marketing Board was established under Section 6 of the FAMA Act, to maange and control the marketing of padi and rice in the scheme areas. In general, the schemes formulated by the Authority include both regulatory and trading functions.

12. The main objectives of the Padi Marketing Schemes are :—

(a) to ensure overall efficiency in the marketing system for padi and rice;

(b) to ensure that marketing practices such as weighing, sorting, cleaning and grading are all done satisfactorily,

(c) to ensure that facilities for drying, storage and transport of padi and rice are generally sufficient; and

(d) to ensure that padi farmers are paid promptly for any sale of padi.

13. Up to the end of 1968, the Board had implemented 4 padi marketing schemes, i.e. Tanjong Karang and Sabak Bernam Perlis, Penang and Province Wellesley (excluding Mukim 9 & 10 of South of Province Wellesley) and Krian.

14. The total acreage managed by the Padi and Rice Marketing Board under the four schemes was approximately 198,629 acres, and this constituted 25% of the total acreage of padi fields in West Malaysia. The total pro-

duction of padi from the four scheme areas was about 5 million piculs or 35% of the total padi production of West Malaysia in 1968.

15. The Tanjong Karang/Sabak Bernam Padi Marketing Scheme is a trading-cum-licensing scheme and the Padi Marketing Schemes of Perlis, Penang/Province Wellesley, and Krian are regulatory in nature.

16. The four schemes have been implemented satisfactorily. In the Tanjong Karang/Sabak Bernam area. where both trading and regulatory schemes are implemented, the padi farmers do not only benefit from the higher returns of their padi sale, but at the same time they enjoy the benefits of the availability of other marketing facilities.

17. In areas where only the regulatory scheme is implemented, the control of padi buyers through licensing has proved an effective instrument in ensuring that good price is paid to padi purchased as well as to improve the marketing practices prevalent in the area.

**Fish**

18. Studies initiated by the Authority indicated that there were several serious defects in the fish marketing system. To provide remedial actions, the Authority formulated a fish marketing scheme which was then published in the Federal Government Gazette on 3rd October, 1968 in order that persons or organisations that might be affected by the Scheme would have opportunities to present their views.

19. During the year under review, several economic studies were also carried out by the Authority on East Coast Cold Room Depots and the Kuala Kedah Fisheries Complex.

**Pepper**

20. As a result of extensive studies and investigation made on problems in the marketing of pepper in Sarawak, both internal and overseas. the Authority formulated proposals for the introduction of a marketing scheme for this commodity with the following principal objectives :—

(1) to ensure fair and equitable returns to the producers;

(2) to provide assistance and facilities to promote direct exports of pepper to terminal markets;

(3) to provide facilities for grading of pepper to specifications established;

(4) undertake market research and promotional activities.

21. A Working Committee was formed to draft the legislation for the establishment of an appropriate organization to manage and control the proposed pepper marketing scheme.

22. The Working Committee comprised the following persons :—

(i) Deputy Chairman, FAMA — *Chairman;*

(ii) one representative of the Economic Planning Unit. Prime Minister's Department;

(iii) two representatives of the Sarawak State Government;

(iv) one representative of the Johore State Government.

23. The first Working Committee meeting was held in Kuching on the 13th November, 1968 and several proposals pertaining to registration of farmer, licensing of dealers, issue of licences and export were considered.

**Surveys and Investigations**

24. One of the high priority functions of the Authority is to carry out research and investigations on all aspects of agriculture with the objective of providing a scientific basis for the sound development of agricultural marketing in Malaysia. To this end, the Authority has carried out the following surveys and investigations in 1968 :—

(a) **National Padi and Rice Marketing Survey, Phase I & II**

The first phase of the National Padi and Rice Marketing Survey which was launched by the Authority on 2nd November, 1967, with the objective of gathering reliable and accurate information on the marketing of padi and rice from the padi producers to the ultimate consumer of rice, and also on those aspects of padi production relevant to marketing was continued in 1968.

The Authority launched the second phase of the National Padi and Rice Marketing Survey in August, 1968 which covered the three levels of padi marketing, in the padi growing areas on the West Coast of West Malaysia, including the States of Penang. Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Malacca.

(b) **Agricultural Credit Survey**

An agricultural credit survey on padi producers in the Muda River Irrigation Project Area was conducted by the Authority from early August to mid-October 1968 with the assistance and co-operation of Bank Negara Malaysia. The survey examined both the demand aspect of credit, covering the indebtedness and credit needs of padi producers, and the supply aspect, covering the institutions and individuals supplying credit.

(c) **Coffee Marketing Survey, Selangor.**

The above survey conducted on a joint effort basis with the Faculty of Agriculture, University of Malaya, commenced in April 1968. The main objectives of the survey were to gather reliable and accurate information on the marketing practices of coffee and the facilities available at the different levels of coffee production, trading and processing.

(d) **Economic Survey on the Tapioca Industry in Perak**

An economic survey on the tapioca industry in the State of Perak was conducted by the Authority in the second half of 1968. The objective of the survey was to identify and ascertain the problem facing the tapioca processing industry in the State of Perak and to collect data pertaining to production, processing and marketing. Emphasis was also placed on obtaining information on the total capital investment involved in processing and

production industries and the channels of sale to both domestic and overseas markets.

(e) **Marketing Research Studies**

Studies on the tea industry, the marketing of cabbages in Cameron Highlands, maize and sorghum were undertaken during the year.

(f) **Feasibility Studies**

